

## UMS dan Kedutaan Amerika Syarikat Lanjut MoU

Terakhir dikemaskini: Rabu, 27 Februari 2019 10:06 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 319

Kongsi 97

Syorkan 97

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 27

**FEBRUARI** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Perpustakaan memperbaharui perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Bahagian Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat untuk tempoh dua tahun lagi.

Ketua Pustakawan UMS, Haji Zawawi Tiyunin berkata, MoU itu antara lain menjurus kepada kerjasama antara kedua belah pihak bagi membolehkan UMS menyediakan perkhidmatan dan bahan rujukan berkaitan negara Amerika Syarikat di *American Corner* dalam perpustakaan UMS.

“Sejak ia mula beroperasi pada 16 November 2017, *American Corner* telah menjadi salah satu rujukan utama bukan sahaja untuk warga UMS, tetapi juga kepada masyarakat di negeri Sabah.

“Secara tidak langsung, pewujudan sudut ini telah banyak membantu dan memudahkan mereka yang sedang membuat kajian atau mahu mendapatkan maklumat tambahan berkaitan negara Amerika Syarikat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan selepas pemeteraian MoU itu, di sini, hari ini.

Menurut Zawawi, UMS dan Bahagian Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat mula menandatangani MoU buat kali pertama pada 23 September 2016.

“Selain UMS, *American Corner* turut bekerjasama dengan sembilan perpustakaan awam tempatan untuk menyediakan koleksi khas Amerika Syarikat kepada orang awam,” jelasnya lagi.

Dokumen pembaharuan MoU itu ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dan Kaunselor Perhubungan Awam, Kedutaan Amerika Syarikat, Bradly A. Hurst.

Ia turut disaksikan Ketua Timbalan Pendaftar UMS, Mohd. Raffie Hj Janau, dan Penolong Hal Ehwal Kebudayaan Kedutaan Amerika Syarikat, Shanon Phang Yen Pin.